



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/042  
**Tarikh** : 7 Ogos 2018

## KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 31 TAHUN 2018

### KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

Adalah merujuk mengenai perkara tersebut di atas.

2. Kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal disediakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah sebagai suatu kemudahan untuk membolehkan pegawai dan ahli keluarganya mengunjungi wilayah asal. Kemudahan ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008.

3. Memandangkan peruntukan adalah terhad, maka adalah dinasihatkan supaya anggota yang layak untuk menggunakan perkhidmatan ini haruslah merancang perjalanan lebih awal. Permohonan untuk mendapatkan kemudahan ini perlu dikemukakan ke UPSM sekurang-kurangnya **dua (2) bulan** sebelum tarikh penerbangan untuk kelulusan. Pihak UPSM tidak akan meluluskan permohonan sekiranya peruntukan yang diberikan telah habis.

4. Sehubungan dengan itu, sila berhubung dengan Unit Pentadbiran bagi mendapatkan tiket penerbangan pada kadar yang paling menjimatkan dengan menggunakan syarikat penerbangan yang menawarkan harga terendah. Anggota LGM juga dicadangkan untuk mengambil perkhidmatan penerbangan terus bagi mengelakkan pertambahan kos.

5. Adalah diharap semua warga LGM yang terlibat memberikan kerjasama dan mematuhi peraturan tersebut.

Sekian, terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘Kreatif, Inovatif, Progresif’**

Yang benar,

  
(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)